

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, masih lagi membahaskan dan membincangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan untuk membincangkan Tajuk-Tajuk seterusnya yang masih ada terhadap Rang Undang-Undang Perbekalan ini di Peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi

tadi, sebagaimana yang kita ketahui kita masih lagi membincangkan Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Bersama saya masih terdapat senarai atau *list* Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta bagi membahaskan Tajuk ini.

Maka untuk tidak membuang masa lagi, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah bagi Peruntukan Perbelanjaan 2017/2018 Kementerian Kesihatan.

Maka dari itu, kaola menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan berjumlah \$316,113,440.00.

Yang Berhormat Pengerusi, Kaola menyentuh Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. الْحَمْدُ لِلَّهِ pada hemat kaola, Kementerian Kesihatan telah berusaha bersungguh-sungguh dan terus komited dalam memodenkan serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan di negara ini ke tahap yang lebih cemerlang dan sempurna sehingga

penyediaan, penjagaan dan perawatan dapat dirasa dan dinikmati oleh setiap lapisan penduduk dan rakyat di negara ini.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Penyakit kronik seperti penyakit kanser, penyakit darah tinggi, kencing manis, jantung dan buah pinggang adalah penyakit-penyakit yang dialami yang mana ianya mengakibatkan banyak kematian di negara ini. Pertanyaan kaola, apakah ada usaha-usaha yang mutakhir pihak kementerian dapat dilaksanakan dalam usaha mencegah/mengubati dan memberi ketahanan diri melalui kurikulum sekolah serta khidmat-khidmat kaunseling serta strategi-strategi baharu yang lebih efektif untuk menghadapi penyakit berkenaan?
2. Kaola wakil Daerah Zon 2 Mukim Serasa dan Mukim Mentiri. Dengan peningkatan jumlah penduduk, dan kepesatan projek-projek pembangunan yang ada di Mukim Serasa dan Mukim Mentiri, kaola ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan akan dapat menambah perkhidmatan tambahan yang mana sebelum ini tidak ada diberikan di Pusat Kesihatan Muara.

Perkhidmatan tambahan yang dimaksudkan ialah bermula mulai pukul 7.00 pagi hingga pukul 9.00 malam iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu. Dan dari

pukul 2.00 petang hingga pukul 9.00 malam pada hari Jumaat dan Ahad dan hari-hari kelepasan; dan

3. Sukacita ingin mengetahui, sama ada kenderaan kecemasan (*ambulance*) pada masa ini dicadangkan kemudahan *GPS* yang akan boleh menunjukkan tempat yang dituju. Pertanyaan ini memang nampak ringan sahaja tetapi cuma menyampaikan, memandangkan terjadinya kemalangan, ambulans ataupun kenderaan kecemasan ini lambat sampai ke tempat kejadian disebabkan tercari-cari di mana lokasi rumah yang akan dituju. Keprihatinan ini timbul kerana ianya benar-benar belaku. Kadang-kadang terpaksa menunggu diluar jalan melambai-lambai ambulans yang dimaksudkan. Begitulah yang dapat kaola sampaikan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga yang kaola rakamkan kepada Yang Berhormat atas 3 perkara yang ditimbulkan tadi.

Mengenai penyakit-penyakit kronik atau yang tidak berjangkit. Memang betul perhatian Yang Berhormat, jika membuat sesuatu yang efektif ini biarlah dimulakan dari kanak-kanak lagi. Jika diasuh kanak-kanak ini dari awal, untuk memastikan apa yang mereka makan itu bukan makanan yang sihat dan sentiasa melakukan kegiatan fizikal, ia

akan menjadi satu amalan dan tabiat yang baik dan apabila kanak-kanak ini meningkat dewasa tidaklah perlu lagi memaksa mereka untuk bersenam ataupun memastikan yang mereka ini tidak memakan makanan lebih manis atau lebih garam.

Seperti mana yang telah kaola kongsi pada pagi tadi iaitu melalui *Multi Sector Taskforce for Health* yang pihak Kementerian Kesihatan ada membuat kerjasama dengan kementerian-kementerian terutama sekali Kementerian Pendidikan bagi meneliti lagi bagaimana cara kitani boleh memastikan yang kanak-kanak ini membudayakan cara hidup sihat. Sebenarnya, ada beberapa cara terutamanya dari segi persekitaran sekolah seperti mana yang diketahui di sekolah-sekolah sudah banyak tempat riadah cuma macam mana cara kitani menggunakannya.

Selain itu, apa yang dikongsi dengan rakan-rakan Kementerian Pendidikan jua ialah kempen kebersihan di sekolah-sekolah. Kebersihan ini bukan sahaja untuk membersihkan sekolah tetapi adalah untuk aktiviti fizikal jua. Kitani akan mengadakan satu suasana ataupun aktiviti-aktiviti yang lebih menarik supaya mereka tidak lagi berfikir yang mereka sudah membudayakan yang sekolah itu mesti bersih dan untuk membersihkan sekolah tidak perlu menunggu pembersih.

Begitu juga dengan kantin sekolah, pihak Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Kementerian

Pendidikan yang telah memperkenalkan satu sistem *traffic light* jika makanan yang ada *traffic light* merah langsung tidak boleh dimasukkan ke kantin-kantin, yang 'kuning' dihadkan 2 kali seminggu dan makanan yang lain mestilah 'hijau'.

Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan guru-guru supaya dalam subjek-subjek tertentu dengan memasukkan jua yang berkaitan hal-ehwal kesihatan dalam pengajaran mereka. Dalam hal ini, rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan mungkin akan menambah mengenai perkara tersebut.

Selain itu, bukan di sekolah sahaja, sebenarnya apabila kanak-kanak itu balik ke rumah perlu juga ibu bapa memastikan yang ibu bapa ini adalah menjadi satu model untuk kanak-kanak tersebut. Jika sekiranya ia melihat ibu bapa mereka makan berlebihan, maka apa-apa yang dilaksanakan di sekolah itu akan tidak berjaya.

Jadi, balik kepada strategi utama Kementerian Kesihatan 2015/2020 yang pertama itu yang memastikan 'kesihatan ini adalah tanggungjawab semua'. Setiap individu di Brunei ini mestilah bertanggungjawab. Kementerian Kesihatan tidak akan putus-putus memastikan yang setiap individu ini terutama sekali kanak-kanak akan dapat membudayakan hidup cara sihat ini.

Mengenai perkhidmatan tambahan di Pusat Kesihatan Muara. Perkara ini, memang sentiasa dalam penelitian,

tiap-tiap perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik.

Satu perkara lagi, yang difikirkan oleh pihak Kementerian Kesihatan ialah, jika pihak kementerian mengadakan satu-satu perkhidmatan adakah ia akan menimbulkan budaya yang baik umpamanya dalam mukadimah yang kaola sampaikan kelmarin bahawa 62% peratus dari bajet ini tertumpu kepada *secondary* sama *tertiary care* yang ini sudah menampakkan kesihatan kitani itu kurang kerana banyak orang yang akan dirawat.

Rata-rata kebanyakan yang menghadiri pusat-pusat kesihatan ini adalah mereka yang menghidap *minor illness*, demam panas, batuk dan sebagainya iaitu *duration* penyakit ini *self-limiting*. Cuma, apa yang perlu kita berigakan kefahaman kepada orang ramai.

Jadi, pihak Kementerian Kesihatan berkerja keras macam mana caranya untuk menambah perkhidmatan ini, jika kitani menambah perkhidmatan ini nanti, kita tidak mahu budaya untuk menyuruh orang "supaya sakit sedikit sahaja jangantah watir, ubat ada" inilah budaya yang kita tidak mahu. Apa yang kitani mahukan adalah terhindar daripada sebarang penyakit.

Pada tahun lepas, kaola menerangkan bahawa sebilangan orang menghadiri kenduri kadang-kadang orang bercakap jangantah kkuatir makan sahaja sebab ubat ada, jadinya macam mana untuk menghilangkan budaya macam ini yang impaknya tidak begitu baik. Berkenaan

soalan Yang Berhormat itu, Kementerian Kesihatan akan meneliti lagi dan memastikan ada *cost effectiveness* nya jua dan yang paling utama ia akan membawa budaya kesihatan yang bertanggungjawab.

Mengenai khidmat ambulans sama ada dibekalkan dengan *GPS*. Jawapan kaola memang tidak ada kemudahan *GPS* ini, walau bagaimanapun, itulah sebabnya pihak Kementerian Kesihatan bergabung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai aset tertentu yang lebih canggih lagi dari segi teknologi dan perkhidmatan *call and despatch*. Denga adanya perkhidmatan tersebut kitani boleh mengetahui hala tuju tempat yang akan dituju.

Selain itu, jika difikirkan dari segi teknologi dalam telefon kitani sendiri pun ada *GPS*. Jika kitani menghubungi 991 akan menhantar lokasi ke arah orang yang menghubungi tersebut. ^{إِنْ شَاءَ اللَّهُ}, tidaklah perlu semestinya kitani berbelanja untuk barang-barang berkenaan. Kitani gunakanlah kebijaksanaan kitani. Walau macam manapun, kitani hendaklah memastikan juga *standard* itu ada. Terima kasih atas ingatan Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memberi sedikit jawapan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu pada pagi tadi yang kaola rasa ada yang tidak terjawab mengenai dengan *uptake of* pasar raya sihat semenjak ianya

dilaksanakan pada tahun 2015 yang kaola rasa adalah mustahak. الْحَمْدُ لِلَّهِ
jua semenjak pertama kalinya perkara ini dilancarkan di salah sebuah gedung yang besar di Brunei Darussalam ini ia telah menerima sambutan yang baik dan semenjak itu gedung lain pun ikut sama.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan berhasrat untuk mengembangluaskan lagi program tersebut dan menjemput gedung-gedung lain lagi untuk menyertainya serta memainkan peranan mereka dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat.

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, jumlah penjualan makanan-makanan sihat, الْحَمْدُ لِلَّهِ telah meningkat 74% dari pembeli yang telah melihat tanda-tanda pilihan sihat itu telah menggunakannya untuk membeli makanan sihat. Tambahan lagi dari 52% para pembeli yang telah melihat rak-rak yang dikhaskan untuk makanan sihat ini, semuanya telah membeli makanan sihat daripada rak makanan tersebut.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Yang Berhormat Pengerusi sekurang-kurangnya ada sudah tanda-tanda positif itu. Yang Berhormat Pengerusi, kaola harapkanlah perkara ini tidak akan berhenti setakat itu. Ini menunjukkan kalau sekiranya ada gedung-gedung besar yang lebih *influential* itu dapat melakukannya, gedung-gedung lain akan ikut. Iatah nya kitani *power of social network* karang, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan diteruskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْتَّاسَاكُمْ عَلَيَكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas mukadimah keterangan dan jawapan dari soalan-soalan ahli-ahli Yang Berhormat dahulu yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Soalan pertama, kaola minta penjelasan peruntukan atas peningkatan perbelanjaan di bawah Tajuk berikut:-

Kod Akaun 001/005 Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan, dan Kod Akaun 002/005 Kesihatan Alam Sekitar. Seterusnya di bawah Tajuk Kod Akaun 002/000 Kesihatan Awam dan sebagai tambahan tentang penyakit-penyakit yang tidak berjangkit iaitu *NCD's*.

Kaola ingin memberi cadangan bagi menggalakkan masyarakat untuk bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri terutama bagi golongan masyarakat yang mudah terdedah kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit. Sebagai contoh, kementerian boleh menjalankan kajian rintis (*pilot study*) iaitu calon-calon yang *border line* atau di peringkat awal penyakit tidak berjangkit dipilih untuk mengambil bahagian dalam program-program seperti mengurangkan berat

badan, berhenti merokok atau program hidup sihat.

Calon-calon yang mengambil bahagian dan yakin dalam program itu dapat diberikan insentif seperti perubatan pakar atau perlindungan insurans kesihatan yang bersubsidi atau percuma. Manakala calon yang enggan atau menolak diri mengambil bahagian walaupun sudah dipilih dan dinasihati oleh keluarga dan pihak Kementerian mungkin boleh dikenakan bayaran sebagai *token payment* untuk rawatan dengan perubatan pakar.

Bayaran *token payment* ini bukannya dikira sebagai kos perkhidmatan tetapi bayaran ini digunakan untuk mengambil perlindungan insurans kesihatan untuk calon tersebut. Cadangan ini bertujuan untuk mengurangkan beban kos jangka panjang kerajaan dan menyokong usaha kementerian untuk memberi tumpuan kepada gaya hidup sihat sebagai langkah pencegahan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diutarakan tadi.

Buat masa ini barangkali kaola memberi komen mengenai cadangan yang baik. Kaola sokong cadangan Yang Berhormat ini mengenai cara-cara meningkatkan lagi kapasiti untuk memastikan orang mengikut cara hidup sihat untuk mengurangkan penyakit-penyakit kronik atau tidak berjangkit.

Kalau kita dengar baru-baru ini di negara jiran, dalam surat khabar memberitahu bahawa orang-orang yang berumur 40 tahun ke atas akan berpeluang membayar \$5.00 sahaja untuk *screening*. Di Brunei Darussalam, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** tidak perlu membayar, *register* sahaja. Cuma kesedaran itu belum ada.

Kaola ingin Ahli Berhormat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan macam mana caranya kitani boleh menyedarkan orang-orang ini. Yang paling mustahak, kita harus sedar, kalau antara umur 40 tahun ke atas, risiko untuk menghidap penyakit yang tidak berjangkit ini semakin meningkat.

Kitani sarankan kepada orang ramai jangantah menunggu sakit. Kalau sekiranya kitani macam kurang pastikah, berjumpa ke klinik kesihatan, sekurang-kurangnya meminta nasihat. Ia senang sahaja, apa yang harus kitani periksa berat badan, tekanan darah, tahap gula kitani, ini yang paling musatahak.

Kalau sekiranya ada antaranya yang tinggi, harus diselidiki lagi. Kita juga harus faham cara hidup mereka, sama ada mereka ini merokok, ada *family history* dalam keluarganya ada risiko penyakit jantung, kanser dan sebagainya. Jadi mereka boleh dikategorikan sebagai penghidap risiko yang sedikit tinggi daripada orang biasa. Ini terpaksa kitani sama-sama bekerja untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai.

Mengenai insentif, ini sering kali kami *berdebate* dalam dan jua di luar daripada Kementerian kesihatan. Sepertimana yang diterangkan awal tadi, apa pun yang dibuat terserah kepada individu tersebut. Kalau kitani akan memberi mereka insentif, insentif yang lebih *sustainable* ialah kalau insentif itu datang dari dalam. Mereka faham mengapa mereka mahu sihat.

Kalau apa pun yang diberikan kepada mereka, *reward*, bermakna mereka ini melaksanakannya kalau ada insentif. Kalau tidak ada insentif mereka akan berhenti. Ini yang harus diteliti benar-benar. Tetapi memang ada caranya.

Kadang-kadang sesetengah orang dapat menurunkan berat badan mungkin mereka ada peluang untuk beri laluan untuk apa sahajalah, anda dapat kaola memberi spesifiknya barangkali, tapi melalui *multi sectoral task force for health* ini jua abis kaola telah mengimplementasikan satu projek pada tiap kementerian dan mengalu-alukan pihak swasta untuk ikut sama untuk mencari seorang *champion yang responsible*.

Jadi pihak Kementerian Kesihatan sudah memberi macam *some policy paper* yang dapat digunakan, dasar ini mereka boleh *cut and paste* sahaja. Umpamanya polisi makan minum masa di pejabat. Kalau mesyuarat dihidangkan air dan buah-buahan saja. Kalau di jabatan-jabatan bawah kementerian barangkali *lift* itu dapat ditutup.

Kaola sudah melihat di beberapa kementerian termasuk kementerian kesihatan jua, *lift* itu ditutup, dimestikan orang naik tangga. Kalau bangunan itu berbelasan tingkat tidaklah munasabah disuruh naik tangga berbelasan tingkat, mungkin mereka boleh naik *lift*. Jika tiga tingkat seterusnya naik tangga. Ini pilihan sendiri. Kalau akan memaksa orang, payah jua. Tapi kalau ditiadakan barang itu, orang terpaksa membuatnya, *so it's a deep of option*. Inilah *behavioural inside* macam mana kitani boleh mengadakan persekitaran yang kondusif agar memastikan mereka ini melaksanakan *healthy behaviour*.

Mengenai peningkatan bajet tadi Yang Berhormat menimbulkan soalan pertama Kod Akaun 001/005 – Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan dan mengenai apa Yang Berhormat? Kerana ada 2 bajet.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Kod Akaun 002/005 - Alam Sekitar dan Kod Akaun 001/005 - Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Sebenarnya bukannya orang *in-reality* dinaikkan. Ini adalah *outcome* daripada *consolidation of budget*. Jadi bajett yang lain yang abis kaola rasakan tidak sesuai dimasukkan di bawah Tajuk-Tajuk yang lain. Kalau kitani melihat ada sesetengah daripada Tajuk-Tajuk itu kurang, pasal dimasukkan di sana.

Umpamanya kalau kitani melihat mengenai Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang, Kementerian Kesihatan ada membuat satu *pilot study* masa ini jua mengenai apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh pada pagi tadi *about financing* ini.

Kita menggunakan sedikitlah bajet itu untuk mengadakan *pilot study* ini jua dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika sudah ada *outcome* dari *pilot study* ini akan dikongsikan bersama abis Yang Berhormat jua. Bukan semestinya kita menambah inisiatif, cuma sekadar *consolidation* sahaja dan memasukkannya dalam *more appropriate* lagi. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas jawapan yang telah pun diberikan dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah Yang Berhormat. Menyentuh soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji

Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim mengenai *pampers* dan *breast pumps*.

Kaola ingin menambah Yang Berhormat Pengerusi. Dengan memberikan cadangan. Inisiatif kerajaan baginda untuk memberi bantuan ini menggambarkan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa bersikap prihatin dan pemedulian tentang kebajikan rakyat baginda.

Negara kita yang tercinta ini, kita akan sentiasa teliti akan keperluan semua golongan masyarakat. Kalau dilihat Kementerian Pendidikan memastikan semua pelajar yang Berkeperluan Khas juga termasuk dalam sistem pendidikan sebagai satu contoh *inclusive society*. Kita perlu berfikiran secara inklusif dan tidak meletakkan penghalang antara mereka yang mampu dan mereka yang tidak mampu. Masalahnya ialah kita tidak mempunyai data yang terperinci untuk mengenal pasti golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Yang Berhormat Pengerusi. Penyebaran mesej viral yang hangat baru-baru ini melalui *whatapps*, tidak ada punca atau siasatan yang mendalam dan ia boleh menyebabkan fitnah adalah satu isu yang berat dari segi agama. Memang tidak dapat diketepikan lagi negara kita mempunyai isu-isu kebajikan. Saya amat kagum dengan banyak badan yang bukan kerajaan yang giat aktif dalam

membantu mengurangkan beban masyarakat yang memerlukan.

Oleh yang demikian, mengenai isu pengagihan lampin pakai buang (*pampers*) dan *breast pump* bagi mereka yang berkemampuan dapat membantu pihak kerajaan dengan tidak menerima bantuan itu tetapi sebaliknya menyumbangkan kepada mereka yang lebih memerlukan. Ini adalah satu contoh sebagai negara Islam yang dapat berganding bahu untuk membantu mereka yang memerlukan.

Sebagai contoh Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Kesihatan bolehlah membuat borang yang menyatakan mereka bersetuju untuk mendermakan barang-barang tersebut untuk kebajikan. Pandangan kaola, *pampers* yang didermakan tidak semestinya hanyalah untuk bayi kecil sahaja tetapi termasuk juga kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Pihak kementerian juga boleh bekerjasama dengan NGO's untuk proses pengagihan.

Kaola berharap agar setiap ibu yang berkemampuan boleh menggunakan platform ini untuk menyumbangkan kepada golongan yang memerlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyuarakan pandangan kaola tadi, dari pandangan seorang ibu.

Soalan kaola yang seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Soalan yang akan kaola ajukan ini pernah diajukan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2015 dan juga tahun 2016 mengenai

doktor-doktor tempatan. Doktor yang kaola akan membahaskan hari ini adalah mengenai doktor-doktor tempatan yang berhenti dari perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Memandangkan soalan ini telah dibahaskan 2 tahun berturut-berturut kebelakangan ini, ia adalah tanda kebimbangan daripada masyarakat.

Soalan kaola, yang akan kaola kemukakan berbeza apa yang pernah diajukan Yang Berhormat Pengerusi sebelumnya. Kaola ingin mengetengahkan keutamaan mengekalkan iaitu *retaining consultant* pakar, doktor tempatan dalam sektor perubatan. Dilihat juga dari segi pencapaian, potensi, pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan juga bakat. Implikasi kos kehilangan sebahagian daripada konsultan, pakar ataupun doktor yang berbakat di bawah Skim Biasiswa Brunei yang meninggalkan negara kita amat besar bukan sahaja dari segi kos tetapi kehilangan bakat pakar-pakar tempatan.

Soalan kaola, apakah langkah jangka panjang untuk mengekalkan bakat-bakat konsultan, pakar dan doktor tempatan supaya mereka dengan secara semula jadi, boleh menyumbangkan khidmat mereka kepada negara serta pembangunan negara untuk kejayaan masa depan? Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada

Yang Berhormat, atas 2 isu yang telah ditimbulkan:-

1. Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas sentimen yang diberikan tadi.

Mengenai saranan Yang Berhormat itu, nya kitani 'no brain' itu. Sebenarnya kaola Yang Berhormat Pengerusi, kaola merasa bangga yang kita ada sudah rakyat dan penduduk kita ini. Kaola sebenarnya membaca *viral messages* itu, tapi yang kaola lebih tertarik mesej-mesej ini secara rata-rata mengatakan "mengapakah orang yang berada atau orang mampu ini, diberi juga barang tersebut?".

Bererti sudah ada meningkat kesedaran daripada rakyat dan penduduk kita untuk bertanggungjawab. Kaola menyambut baik saranan Yang Berhormat, mereka ini akan membuat kebajikan dengan menyumbangkan dengan bantuan lampin (*pampers*) dan *breast pump* itu, mungkin akan dapat menyedekahkan lagi kepada mereka yang tidak mampu.

Isu yang mampu atau tidak mampu, tidaklah dapat kaola ketengahkan kerana itu di luar bidang kaola. Kaola tertarik atas cadangan itu dan kaola sangat berkeinginan untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat, mungkin dengan rakan kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan

juga NGO's yang berada di Brunei ini. Isu sama ada kita menggunakan kaedah *opting in* atau *opting out* itu, terpaksa kita fikirkan benar-benar kerana kadang-kadang kalau kita membuat *opting out* itu *its better the other way round, it's against behavioral inside* ini. Izinkanlah abis kaola berunding nanti di luar Dewan ini; dan

2. Mengenai doktor-doktor tempatan, terutama sekali di peringkat konsultan atau pakar ini. Memang betul *observation* Yang Berhormat itu, mengenai pelaburan kerajaan malah untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan bagi setiap seorang doktor sahaja kita menghantar mereka untuk belajar di sekolah-sekolah perubatan di universiti-universiti perubatan ini sehingga mereka *graduate* sekurang-kurangnya \$500,000.00 Brunei, sekurang-kurangnya baru mendapat gelaran doktor. Belum lagi menjalankan latihan kepakaran, bayangkan kalau mereka melanjutkan dibidang kepakaran yang mungkin memakan masa kurang lebih 6 hingga ke 8 tahun.

Kalau dulu kita ada TV program '*Six Milion Dollar Man*', ini tidak jauhlah, tidak juga sampai \$6 juta tetapi pelaburannya amat tinggi sekali. Bagaimana cara kita mencari memastikan yang kita boleh menahan terutama sekali konsultan itu doktor-doktor di peringkat konsultan. Beberapa inisiatif sudah dilaksanakan, pertamanya untuk

memastikan yang doktor dan pakar ini yang sudah bertauliah ini, kita sentiasa *engage* mereka ini supaya mereka tahu apa yang diperlukan di Brunei. Ini telah dilaksanakan dalam setahun, dua tahun lepas dan memastikan kita sentiasa memberitahu mereka apa yang ada, apa keperluan dan memastikan jua apa yang mereka faham yang mereka ini dihantar oleh kerana keperluan negara.

Repatriation of some of the training ini. Tadi ada koala Yang Berhormat Pengerusi mengongsikan kalau kita sudah memulakan sekolah perubatan selama 3 tahun di Brunei dan 3 tahun terakhir di negara-negara *United Kingdom, Europe, Australia* ataupun *North Amerika*, sekarang kita sudah memulakan di peringkat latihan pakar. Jadi kalau mereka ini bermula latihannya di Brunei, mereka faham akan keperluan orang kita, betapa orang kita benar-benar memerlukan mereka ini. Kalau bukan orang kita siapa lagi? Jadi itulah yang kaola rasa yang patut kita tekankan.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan dahulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membuat kenyataan tambahan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih kerana memberi kesempatan bagi kaola untuk

membuat respons pendek sahaja kepada soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman mengenai penyakit kanser, darah tinggi dan sebagainya. Sama ada usaha-usaha kurikulum sekolah dan sebagainya diadakan atau tidak.

Jadi sebagai menjawab sahaja Yang Berhormat Pengerusi kepada soalan tersebut. Sememangnya di Kementerian Pendidikan kita mempunyai dasar penjagaan kesihatan dalam kalangan pelajar sekolah misalannya dalam kegiatan *ECA*. Kita menghendaki setiap pelajar untuk mengambil satu *ECA* sementara dalam jadual waktu mereka disediakan dua *period* seminggu bagi *PE Classes* di *primary* dan *secondary level* pendidikan. Ia bertujuan supaya mereka ini mengambil kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti sukan dalam tempoh yang diberikan tersebut.

Di samping itu, dalam Mata pelajaran Sains dari Tahun 4 hingga Tahun 5, 6 dan seterusnya Tahun 7 dan 8, ditekankan isu-isu ataupun tajuk-tajuk kesihatan seperti menjaga kebersihan diri (*personal hygiene*), kesimbangan pemakanan (*the balance diet importance of keeping body healthy*), mengenai penyakit-penyakit berjangkit, bahaya dadah dan dari segi nutrisi dan *syllabus GCE "O"* dan *"A" level* dan juga *Combined Science* terkandung isu-isu yang menekankan mengenai penyakit-penyakit berjangkit, cara-cara pencegahan, penyakit-penyakit lain seperti sakit jantung, *HIV, AIDS* dan penyalahgunaan dadah termasuk dalam *syllabus* berkenaan.

Jadi sebagai jawapan yang pendek memang dalam kurikulum Kementerian Pendidikan disediakan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Kaola ingin membincangkan mengenai Tajuk SM01A - Kod Akaun 002/000 - Kesihatan Awam. Kaola merujuk balik kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 10 Oktober 2016 sempena *World Mental Health Awareness Days*.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat bercakap mengenai stigma yang dikaitkan dengan penyakit mental mengakibatkan ramai orang malu untuk mendapatkan bantuan. Isu ini bukannya cuma di Brunei tetapi berlaku di mana-mana negara. Kemurungan dan kebimbangan (*depression and anxiety*) semakin meningkat dan ia boleh menjejaskan prestasi pekerjaan dan pembelajaran.

Memang diakui, perkara ini bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Kesihatan tetapi ia melibatkan agensi-agensi lain termasuklah masyarakat. Beberapa kempen kesedaran telah diadakan bagi menangani isu stigma

dan menggalakkan individu yang merasa diri mereka memerlukan bantuan untuk tampil berjumpa *specialist*.

Kaola ingin mengetahui:-

1. Apakah strategi seterusnya dari pihak Kementerian Kesihatan dalam perkara ini. Adakah dalam perancangan untuk mengadakan *hotline* bagi membantu mereka yang memerlukan *emotional therapy* tanpa mendedahkan identiti mereka; dan
2. Merujuk di bawah Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. Kaola menyokong penuh inisiatif kementerian dalam mengadakan kempen dan program bagi mencegah penyakit tidak berjangkit, yang bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat tetapi juga mengurangkan beban kerajaan.

Kaola ingin mengetahui mereka yang pada masa ini tergolong dan memiliki penyakit tidak berjangkit ini, berapakah jumlah kes pada masa ini dan apakah yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu dan merawat mereka serta apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi memastikan mereka menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti?

Menyentuh mengenai dapatan dari *Global School Survey Health* pada tahun 2014 yang menunjukkan hanya sejumlah 13 % kanak-kanak

di negara ini yang mengikuti kegiatan fizikal yang mencukupi seperti yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Apakah saranan kementerian untuk meningkatkan peratus ini dan apakah amalan-amalan terbaik yang boleh diambil untuk memastikan agar kanak-kanak di Brunei dapat mengikuti kegiatan fizikal yang mencukupi?

Apa yang kaola fahami, pendidikan fizikal adalah teras utama di sekolah-sekolah dan pada masa yang sama kanak-kanak juga rajin meluangkan masa beriadah bersama keluarga selepas dan pada hujung minggu sewaktu Bandarku Ceria. Apakah strategi kementerian dalam menangani isu ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih banyak Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengutarakan 3 isu:-

Mengenai isu yang pertama ini, kaola ingin *address* dulu Yang Berhormat Pengerusi mengenai *stigmatization of mental health disease* ini. Memang perkara ini masih lagi berlaku di Brunei ini, tetapi juga semenjak perintah *Mental Health Order and its good of practice* yang telah dilancarkan pada 2014, lebih ramai lagi orang sudah tampil ke hadapan *try to seek health* ini.

Jadi sekarang walaupun stigma itu masih ada, walau bagaimanapun kalau dibandingkan dengan 10/15 tahun yang dahulu, orang tidak akan tampil ke hadapan ini. *Mental health illness* ini, dikira sebagai bukannya penyakit malah label orang dulu "gila" tapi sekarang kita tidak menggunakan perkataan itu lagi. Ia adalah sejenis penyakit yang mana penyakit ini, dapat kita usahakan merawat dan mencari cara menyembuhkannya.

Syukur الْحَمْدُ لِلَّهِ juga, perkhidmatan *Mental Health Services* ini bukan sahaja diberi di peringkat hospital sahaja di *Departmental of Psychiatry* atau *Mental Health Unit*, malah juga diberi di semua Klinik Kesihatan. Jadi orang ramai tidaklah perlu bersembunyi-sembunyi untuk meminta tolong ini. Memang kes kemurungan dan *anxiety* ini ada. Ini pun *related to live style*, macam mana mereka *cope everyday* dalam mereka punya pekerjaan, kehidupan dan macam mana mereka boleh terbuka membincangkan isu-isu mereka.

Jadi kami terus-menerus bekerja keras untuk memastikan yang orang ramai/awam ini memahami apa sebenar isunya. Jangan nanti orang itu sihat melihat orang yang ada kemurungan dan *anxiety problem* ini *diucapkan* (dipersenda) nanti. Apa yang kitani mahu adalah kefahaman, kalau ada orang yang berpenyakit sebegini, kita tolong dan beri nasihat. Kalau mereka belum berjumpa doktor, nasihati mereka ini.

Mengenai dengan saranan mengenai *hotline* itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola alu-alukan. Sebenarnya kami masih meneliti macam mana caranya pasal kita mesti maklum juga ada isu-isu *confidentiality*. Terpaksa kita pastikan yang apa pun yang mereka kongsi bersama kita jangan sampai terkeluar menjadi satu perkara yang *we go against them*, so isu-isu *confidential* ini mesti kitani syorkan dahulu.

Itu untuk soalan yang pertama Yang Berhormat Pengerusi.

Isu kedua *Non communicable diseases*. Yang Berhormat apa lagi yang dapat dilaksanakan untuk memastikan yang kita boleh mengurangkan beban kerajaan.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Mengenai mereka yang sudah mempunyai penyakit tersebut. Apakah tindakan bagi mereka yang sudah tergolong dalam penyakit ini, bukannya pencegahan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih. Minta maaf salah faham. Bagi yang menghidap penyakit kronik yang tidak berjangkit ini. Rawatan itu tidak terhenti. Kefahaman itu akan diberikan secara terus menerus terutama sekali dalam pengambilan ubat-ubatan. Sering kali abis kaola mendapati contohnya orang yang menghidapi penyakit darah tinggi ataupun masalah jantung setelah berubat **الْحَمْدُ لِلَّهِ** tekanan darahnya turun.

Tapi kefahaman itu kadang-kadang tidak berapa *complete*. Mereka fikir kalau sudah turun, contohnya demam setelah makan ubat baik, habis ubat. Tapi kalau penyakit-penyakit kronik ini kalau sudah turun tekanan darah atau gula sudah dapat dikawal bukan bermakna mereka boleh berhenti makan ubat itu.

Perkara sebegini sering kali dipanggil balik pesakit ini untuk *direview*. Masa *review* itu selalunya sesi nasihat diberikan. Terpaksa ditingkatkan lagi macam mana kitani menyampaikan nasihat-nasihat agar ia akan dituruti dan diamalkan.

Selain itu, apa-apa aktiviti yang kitani laksanakan bukan saja di peringkat Kementerian Kesihatan malah macam Bandarku Ceria di peringkat mukim dan kampung. Peringkat *society NGO's* dan sebagainya. Kitani pun boleh memastikan orang-orang yang menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit akan terus kekal kesihatan mereka dengan menjalani atau mengamalkan hidup cara sihat.

3. Mengenai dengan peningkatan *physical activity* di sekolah-sekolah untuk memastikan yang kanak-kanak di Brunei ini mengikuti kegiatan fizikal. Kaola tidak akan menjawab dengan panjang lebar disebabkan perkara ini telah dibincangkan awal tadi. Balik-balik sudah perkara ini. *At the end of the day* kesihatan ini adalah *everyone's business*.

Memanglah Kementerian Kesihatan, tapi apa pun kitani buat, kalau sekiranya pihak individu tidak menjalankan apa yang patut

dijalankan untuk mencapai kesihatan itu, memang tidak akan tercapai. Kitani haruslah bekerjasama untuk memastikan, pertamanya orang faham apa matlamat kitani sebenarnya, apa kegunaan kitani, untuk sihat.

Kalau kitani sihat dapat bekerja, beramal dan sebagainya. Kesihatan itu memang yang mustahak. Kaola pernah memberi ucapan kaola tahun lepas bahawa kesihatan ini ialah perkara kedua selepas beriman dan beramal. Mesti ada kesihatan untuk kitani beramal. Kalau tidak ada kesihatan macam mana hendak bangun dan berdiri, sembahyang dan sebagainya. Tertakluk kepada individu itu. Kitani boleh menjadi pemudah cara dari segi memberi kefahaman kepada orang ramai pendidikan dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat ada lagi pemikiran yang tertentu untuk menolong kita terutama sekali dalam kalangan belia. Belia ini yang sangat mustahak, marilah kita bekerjasama untuk menanganinya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Nampaknya itu satu cabaran kepada pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas

taklimat dan penerangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

1. Kaola sukacita untuk memohon bercakap di bawah Tajuk SM01A-Kementerian Kesihatan. Kaola ingin mengongsikan mengenai gejala obesiti di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini telah disuarakan oleh rakan sejawatan. Maka kaola mohon beralih kepada perkara kedua.
2. Kaola sukacita mohon untuk bertanya dan penjelasan mengenai pencemaran udara atau alam sekitar dalam negara. Sekarang menuju ke arah mempelbagaikan sumber-sumber ekonomi negara. Antaranya melalui pembangunan industri yang dikenal pasti di Negara Brunei Darussalam.

Di Mukim Liang adalah merupakan mukim yang boleh dipanggil mukim industri. Terdapat industri di mukim ini bertaraf dunia. Tidak lama lagi sebuah industri akan wujud di *SPARK Zone village* Sungai Liang iaitu *Industri Ammonia/urea* salah satu industri ke arah sumber ekonomi negara.

Dalam pada itu, penduduk Mukim Liang yang penduduknya melebihi seramai 14,000 orang pada masa ini. Mohon minta kepastian tahap pencemaran dari industri yang ada di mukim ini dengan mengadakan langkah yang berpatutan dari segi kesihatan. Oleh yang demikian

mohon abis kaola mendapat penjelasan.

3. Kaola sukacita mengongsikan mengenai perkhidmatan yang diperlukan dari doktor-doktor pakar bidang tertentu bagi pesakit-pesakit di Daerah Belait di Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait. Kaola ingin bertanya, adakah ada rancangan Kementerian Kesihatan untuk menempatkan doktor-doktor pakar bagi Daerah Belait kerana pada masa ini doktor-doktor pakar didatangkan secara berjadual sahaja ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan Daerah Belait?.
4. Kaola ingin bertanya mengenai makanan-makanan dalam tin yang dijual terutama di kedai terletak di mukim-mukim. Terdapat makanan yang sudah mansuh tarikh penggunaannya untuk dimakan. Kaola mohon supaya langkah-langkah dan tindakan berterusan bagi pemeriksaan-pemeriksaan dan sebagainya. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan ucapan terima kasih yang pada mulanya mengetengahkan dari 4 perkara kepada 3 perkara. Kerana obesiti telah pun dibincangkan tadi.

Kaola ingin memulakan dengan saranan yang terakhir iaitu ke-3. Memastikan pemantauan akan berterusan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Memang bidang tugas Kementerian

Kesihatan untuk memastikan keselamatan bagi rakyat dan penduduk di negara ini. Dari segi pemantauan itu akan diteruskan.

Walau bagaimanapun abis kaola ingin memohon kerjasama jasa abiskita Yang Berhormat dan orang ramai jika mendapati perkara-perkara yang tidak diingini contohnya tarikh luput, pencemaran dalam pemakanan tersebut. Sila hubungi pihak abis kaola terus.

Untuk menyenangkan abis kita, sila dail talian Darussalam 123. Sekarang **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kaedah talian 123 ini pada masa ini boleh menggunakan aplikasi *whatsapp* dan *live chat line*. Apa-apa perkara yang ditimbulkan melalui kaedah talian Darussalam 123 ini. Pihak Kementerian Kesihatan peringkat kementerian sendiri meneliti perkara ini tiap-tiap minggu.

Kami akan memastikan segala *complaint* atau isu-isu yang ditimbulkan itu kalau ada kena timbulkan tiketnya ditutup seberapa cepat mungkin. Sekiranya ada orang mengadu ertinya orang ini susah hati *concern* mengenai isu-isu ini. Jadi yang paling sedikit dapat dilaksanakan memastikan yang perkara itu di *address*.

Mengenai dengan perkhidmatan pakar-pakar di Hospital Suri Seri Begawan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diadakan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** disebabkan kitani sudah mengadakan latihan kepakaran di negara kitani sendiri. Kitani akan mula menghantar doktor-doktor kepakaran mestilah ada pakar-pakar. Abis kaola akan mengusahakan berapa cepat yang mungkin **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** . Pada masa ini memang sudah ada pakar dan pakar

sepenuhnya cuma dari segi bilangannya sahaja kurang. Yang Berhormat abis kaola mengambil maklum.

Mengenai soalan pertama pencemaran udara. Kaola minta pertolongan dari rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Tapi setahu kaola memang udara kita ini dari segi kualiti memang bagus sekali الْحَمْدُ لِلَّهِ . Apa-apa yang dilaksanakan di negara kitani ialah selalu memastikan keselamatan itu didahulukan. Memang banyak *studies* dilaksanakan sebelum apa-apa industri dilaksanakan. Lebih baik kaola merujuk kepada rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Perintah perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar *EIDPMO* telah pun dikuatkuasakan pada bulan September 2016 yang lalu untuk mengawal impak terhadap alam sekitar yang menyebabkan oleh aktiviti-aktiviti industri.

Di bawah perintah ini pihak industri dimestikan menghadapkan pemberitahuan secara bertulis kepada pihak berkuasa tentang aktiviti-aktiviti mereka bagi memastikan operasi tersebut tidak mendatangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Pihak syarikat tidak akan dibenarkan memulakan operasi mereka sebelum

menerima kebenaran dari pihak berkuasa di bawah Perintah Perlindungan Pengurusan Alam Sekitar (*EIDPMO*) ini.

Semua majikan bertanggung jawab untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya atas pengurusan dan perlindungan terhadap alam sekitar serta membuat inisiatif-inisiatif yang dapat mengurangkan atau mengawal mana-mana bahaya yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar.

Pihak syarikat yang terbabit dimestikan melantik Pegawai Alam Sekitar yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan isu-isu alam sekitar. Jika terjadi insiden alam sekitar disebabkan oleh aktiviti-aktiviti yang di jalankan oleh pihak syarikat pegawai yang diberikan kuasa akan membuat siasatan terhadap insiden tersebut.

Jika pihak syarikat dan individu didapati melanggar mana-mana perintah mereka yang terlibat juga akan dikenakan tindakan undang-undang. Jabatan Tenaga dan Industri juga sedang menyediakan peraturan-peraturan tambahan termasuk peraturan kajian kesan penilaian alam sekitar (*EIA*) dan peraturan pencemaran udara.

Pematuhan peraturan-peraturan ini amat penting kerana melalui kajian ini penilaian bagi kesan operasi jangka panjang terhadap alam sekitar bolehlah diperhalusi dan pelbagai langkah pencegahan boleh dibincangkan melalui kajian yang dinamik ini. Ini selaras kehendak kerajaan yang ingin memelihara alam sekitar secara optimum.

EIDPMO adalah di bawah Kementerian Pembangunan tetapi mereka bekerjasama dengan Unit *HSE* Jabatan Tenaga dan Perindustrian untuk memantau aspek-aspek *HSE* dengan Kementerian Pembangunan. Terutama sekali bagi projek-projek *downstream* yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu projek-projek *downstream* minyak dan gas. Yang Berhormat Pengerusi, sekian saja tambahan daripada kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan dibantu pula oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri yang lain mengenai beberapa perkara yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya kira perbincangan kita cukuplah setakat ini mengenai Tajuk ini dan saya mencadangkan supaya Belanjawan Kementerian Kesihatan ini sekarang kita undi sebelum ia diluluskan atau sebaliknya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya meluluskan Belanjawan Kementerian Kesihatan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan oleh yang

demikian Belanjawan Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SM01A hingga Tajuk SM08A – Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita berpindah untuk membincangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum perkara ini ataupun Tajuk ini kita bukakan untuk dibahaskan seperti biasa, maka pada lazimnya saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk menyampaikan ucapan pendahulunya berkenaan dengan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ* dan salam sejahtera. *بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

Yang Berhormat Pengerusi, *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ* dengan izin Allah Subhanahu Wataala dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara berkat lagi berdaulat ini Negara Brunei Darussalam terus berada di bawah limpah rahmat keharmonian dan kemakmuran jua. Rakyat dan penduduk

di negara ini terus dapat melaksanakan dan menikmati program-program pembangunan dan kesejahteraan dalam keadaan kita masih bersandar kepada persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar.

Kaola bagi pihak seluruh warga Kementerian Perhubungan merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan baginda atas Anggaran Belanjawan dicadangkan sebanyak \$122,288,530.00 bagi Tahun Kewangan 2017/2018 untuk diamanahkan kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi melaksanakan program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Dari peruntukan ini kira-kira sebanyak \$41 juta dikhususkan untuk Pembayaran Gaji Kakitangan, \$26 juta untuk Perbelanjaan Operasi ataupun Perbelanjaan Berulang-Ulang dan sebanyak hampir \$54 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Kemajuan bagi tahun 2017/2018.

Jumlah keseluruhan khususnya berhubung dengan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang walaupun sedikit berkurangan dari peruntukan tahun lepas namun **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Kementerian Perhubungan telah dapat memenuhi had yang ditetapkan memandangkan kepada suasana ekonomi yang dihadapi masa ini.

Pengurangan ini juga mencerminkan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan sejauh ini untuk memudah

cara dan menjimatkan perbelanjaan khususnya melalui penswastaan perkhidmatan yang tidak *cost effective* dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, asas kepada pembangunan negara ialah masyarakat yang dinamik untuk membangun ekonomi yang mapan dan berdaya tahan serta tonggak kepada kesinambungan bangsa dan negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak pernah kendur-kendur untuk menyediakan kemudahan dan prasarana pengangkutan baik untuk tujuan dalam atau luar negara atas harapan komitmen tersebut akan membawa kesejahteraan kepada rakyat baginda.

Melalui Kementerian Perhubungan antara tujuan kerajaan ialah untuk meluaskan sektor perhubungan dan meningkatkan lagi sistem pengangkutan awam yang *sustainable* dan *inclusive* untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan rakyat. Kementerian Perhubungan percaya di samping untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang, sistem dan pengangkutan awam yang cekap dan berkesan juga berupaya untuk membuka lagi peluang mencari pekerjaan, ruang-ruang perdagangan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan membantu mengurangkan permasalahan sosial.

Perhubungan dan pengangkutan juga menyumbang kepada berbagai-bagai aspek pembangunan yang lain seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan,

pelancongan, diplomasi dan sebagainya. Ia diibaratkan sebagai urat nadi yang menyalurkan zat dan makanan kepada jasmani dan jasad masyarakat. Tanpa penyaluran ini maka akan lemahlah masyarakat ketandusan khasiat makanan yang diperlukan.

Dalam suasana Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan cabaran-cabaran ekonomi dan sosial peranan pengangkutan dan perhubungan tidak dapat diabaikan. Sistem perhubungan dan pengangkutan yang efisien atau berkesan ialah sistem yang menghubungkan pergerakan penduduk dan rakyat atau *connectivity* dari satu destinasi ke destinasi lain yang mempunyai kepentingan dan tujuan asas seperti perdagangan, pendidikan dan sebagainya.

Sistem perhubungan dan pengangkutan yang cekap adalah juga sistem yang memberi jaminan atau *reliability*. Ini bermaksud perkhidmatan pengangkutan yang berjadual yang boleh diharap oleh orang ramai, khususnya dalam membuat perancangan perjalanan seharian, perniagaan, pelancongan dan sebagainya. Kedua-dua elemen penting ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan menggalakkan kelangsungan pergerakan rakyat, barangan dalam dan luar negara dan melahirkan masyarakat yang dinamik. Dalam erti *tuturan* kita orang Brunei masyarakat yang *bekarih, bejarih dan belurih*.

Kegiatan perdagangan dan peluang-peluang pekerjaan terutamanya, juga akan meningkat dan sekali gus

menyumbang kepada pertumbuhan keluaran kasar negara di samping meningkatkan nilai atau kualiti hidup yang lebih baik. Hasilnya nanti seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan membawa impak tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Kementerian Perhubungan ketika ini sedang giat melaksanakan Perancangan Strategik 2008 hingga 2017 ke arah meningkatkan sektor perhubungan dan pengangkutan. Ini terbahagi kepada 5 teras utama:

Teras Pertama

Strategi memfokus kepada pelanggan atau *customer focus strategy*. Segala rancangan pembangunan akan berasaskan aspirasi dan cita rasa rakyat dan membentuk hubungan yang serasi dan pengurusan mesra pelanggan. Atas hasrat ini, Kementerian Perhubungan menghargai proses Majlis Mesyuarat Negara sebagai satu platform untuk melibatkan rakyat dalam proses pembangunan negara.

Dua elemen penting dalam strategi ini ialah memastikan *accessibility* dan *affordability* iaitu penyediaan perkhidmatan perhubungan yang berkesan sebagai *public goods* pada kadar kemampuan yang berpatutan untuk faedah semua lapisan masyarakat.

Teras Kedua

Mengukuhkan Rangka kerja kawal selia iaitu dengan mengemaskinikan undang-undang peraturan dalam pengangkutan dan Perhubungan; Mencapai

Teras Ketiga

Mencapai keberkesanan dan kos efektif dalam pengurusan khususnya dalam rangka kerja sama antara pihak kerajaan dan pihak swasta dalam konsep *Public Private Partnership* atau PPP. Pihak kerajaan dan sektor swasta perlu sering melengkapi (*complementing*) bagi memanfaatkan sumber dan *resources* yang ada;

Teras Keempat

Peningkatan infrastruktur perhubungan. Ini adalah sebagai usaha berterusan Kementerian Perhubungan memperbaiki perkhidmatan kepada orang ramai dengan tujuan meningkatkan kegiatan ekonomi; dan

Teras Kelima

Membudayakan aspek kesihatan dan keselamatan alam sekitar iaitu merupakan satu aspek yang penting memandangkan tanggungjawab dalam urus tadbir pengangkutan orang ramai selaras dengan piawaian antarabangsa.

Dalam bidang perhubungan udara sektor ini terus berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan dengan proses permodenan antaranya;

- i. Meluaskan ruang Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
- ii. Menaik taraf sistem perhubungan dan pengurusan ruang udara atau (*communications navigation system*); dan *Air Traffic Management*.
- iii. Projek rehabilitasi landasan kapal terbang yang dilaksanakan secara berterusan setiap 10 tahun sekali; dan
- iv. Mengemas kini pengurusan dan perundangan penerbangan awam. Bagi tujuan ini Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil khidmat nasihat dari *United King Civil Aviation Authority International (UK CAAI)* mengambil kira pada perkembangan yang berlaku di arena antarabangsa khususnya saranan yang telah dikeluarkan oleh *International Civil Aviation Organization* Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak menanamkan modal membuat pelaburan meningkatkan prasarana Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Di samping itu kerajaan juga sedang giat berusaha ke arah meningkatkan pelancongan, menggalakkan pelaburan dan mengukuhkan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan negara-negara luar

atas asas kepentingan bersama. Dalam hal ini sektor Perhubungan Awam memainkan peranan penting untuk mengeratkan lagi hubungan tersebut dengan mengadakan hubungan penerbangan atau *air linkages* dengan negara-negara berkenaan.

Kita yakin pertukaran penduduk atau *people to people exchanges* akan mendatangkan manfaat kepada semua pihak. Ketika ini sebanyak 5 buah syarikat penerbangan yang beroperasi dengan keramaian penumpang sebanyak 1.5 juta orang setahun.

Ini bermakna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mempunyai kapasiti yang luas untuk menerima syarikat-syarikat penerbangan dari negara-negara sahabat untuk membuat perkhidmatan udara ke negara ini.

Atas tujuan ini Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan dasar ruang angkasa terbuka atau *open sky policy* dan memetriai perjanjian perkhidmatan udara (*Air Services Agreement*) bersama 48 negara. Sungguh pun demikian kita hanya mampu melaksanakan 13 perkhidmatan udara dengan 16 destinasi dan secara purata 35 penerbangan sehari.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perhubungan akan mengambil pendekatan yang lebih aktif untuk meningkatkan sektor pada industri penerbangan awam dengan impaknya yang tinggi, mengambil faedah daripada ekonomi *spin off* melalui perkembangan sektor penerbangan awam yang berdaya tahan atau *sustainable*.

Kementerian Perhubungan akan melaksanakan beberapa strategi bagi menarik lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan beroperasi ke Negara Brunei Darussalam seperti berikut.

- i. Mempromosikan Lapangan Terbang Antarabangsa dalam senarai *skytrax* iaitu senarai Lapangan Antarabangsa yang terkemuka di dunia;
- ii. Dalam rangka *Open Sky Policy* untuk menggalakan persaingan yang sehat dan adil antara syarikat-syarikat penerbangan;
- iii. Untuk bekerjasama rapat dengan syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) dan mengkaji amalan-amalan timbal balik atau *reciprocity* yang terbaik;
- iv. Jika perlu menawarkan insentif yang bersesuaian kepada syarikat penerbangan untuk beroperasi dengan Negara Brunei Darussalam untuk membawa pengunjung atau pelancong ke negara ini; dan
- v. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dalam jangka panjang, pemikiran untuk menswastakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei juga dipertimbangkan.

Juga berhubung dengan Perkhidmatan Penerbangan Awam ialah perkhidmatan kaji cuaca yang kini telah dinaikkan taraf sebagai Jabatan Kaji Cuaca pada tahun 2013. Jabatan Kaji Cuaca mempunyai peranan dan skop tanggungjawab yang lebih meluas dalam mendukung aktiviti

dan operasi dalam pelbagai sektor serta ekonomi. Maklumat kaji cuaca semakin ketara nilai dan kepentingannya kepada orang ramai terutama dalam membuat perancangan perjalanan ke luar negeri dan perniagaan. Ke arah ini Jabatan Kaji Cuaca akan mengambil pendekatan *business oriented* dalam memberi perkhidmatan dan mengongsikan kaji cuaca kepada orang ramai.

Dalam bidang maritime dan pelabuhan, sektor ini terus memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada hasil negara. Sektor ini masih mempunyai potensi untuk diperkembangluaskan dan ke arah ini Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut sedang melalui pembaharuan seperti yang berikut:-

- a) Jabatan Laut dan Pelabuhan **إِنشَاءً** akan dicantumkan dan menjadi pihak berkuasa *maritime* dan pelabuhan Brunei Darussalam atau *maritime port authority of Brunei Darussalam*. Badan ini akan berkuat kuasa dan penghujung tahun ini kira-kira dalam bulan September.
- b) Melalui 21 Februari 2017 yang lalu operasi Terminal Kontena Muara telah diswastakan pada *Darussalam Asset* dengan harapan Pelabuhan Muara dapat diurus tadbir dengan cekap dan berkesan dan dipromosikan sebagai destinasi perdangangan *transit dan export process zone*. **الْحَمْدُ** hampir sebulan perkhidmatan dari *Darussalam Asset* banyak perubahan dan peningaktan alat

kelengkapan telah dibuat dalam masa yang pendek ini.

- c) Atas tujuan ini pihak *Darussalam Asset* juga telah membentuk atas usaha sama atau *joint venture* dengan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd* sebuah syarikat dari rakyat China yang mempunyai pengalaman dalam pengendalian perkhidmatan Pelabuhan. Kementerian Perhubungan mengalu-alukan pertubuhan *joint venture* ini memandangkan Republik Rakyat China merupakan antara negara pengeksport yang terbesar di dunia.
- d) Di samping itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menurunkan tarif harga perkhidmatan pelabuhan sebanyak 36% mulai 1 Ogos 2016 dengan harapan untuk menjadikan pelabuhan negara lebih kompetitif.
- e) Sementara itu, Jabatan Laut itu juga membuka perkhidmatan lain kepada pihak swasta termasuk perkhidmatan *Pilotage* dan *tug-boat services*.
- f) Meluaskan lagi penggunaan sungai dan Perairan Brunei sebagai kaedah pengangkutan (*means of communication*) dan membentuk satu *domestic class* bagi perahu-perahu kecil di bawah 100 (GRT) (*Gross Register Tonnage*) dan kapal-kapal yang boleh membawa muatan

kenderaan yang lebih berat daripada muatan kenderaan darat. Menggunakan kapal-kapal di sungai perairan kaedah-kaedah pengangkutan alternatif untuk membawa barangan yang lebih berat dari muatan darat.

Dengan adanya keperluan sedemikian ianya akan memerlukan *standard* pengawalan dari segi keselamatan atau *ship safety* yang boleh dilaksanakan melalui *domestic class* maka dengan itu usaha untuk penubuhan *domestic class* adalah wajar untuk diusahakan dan;

- g) Meningkatkan keupayaan pendaftaran kapal bagi tujuan untuk meluaskan lagi perkhidmatan perkapalan dan meningkatkan hasil pendapatan negara.

Dengan terbentuknya Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, perhatian sepenuhnya akan diberikan kepada aspek kawal selia dan membuat perancangan jangka panjang bagi pertumbuhan perkhidmatan Maritim dan pelabuhan. Pihak berkuasa maritim dan Pelabuhan juga akan terus memantau sistem perkapalan perdagangan serantau dan antarabangsa serta menilai kesan-kesan impaknya bagi memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus relevan dalam rangkaian perkapalan dan logistik antarabangsa.

Di samping itu, pihak berkuasa Maritim dan pelabuhan juga akan merangka strategi ke arah memperluaskan lagi industri maritim dan perkapalan termasuk prasana persinggahan dan

perkhidmatan lain atau *support services* yang sesuai dengan usaha kerajaan untuk memajukan ekonomi negara.

Dari segi prestasi perdagangan negara sejauh ini jumlah dalam kontena *TEU throughput* yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan negara ini ialah sebanyak 102,798 kontena pada tahun 2015 dan ini menurun pada tahun lepas kepada 98,524 kontainer. Jumlah ini hanya 50% daripada kapasiti pelabuhan yang boleh mengendalikan sebanyak 220,000 kontena dalam setahun.

Dan sebanyak 65 buah kapal yang telah didaftarkan di negara ini yang mempunyai kapasiti antara 36 *Gross Register Tonnage (GRT)* bagi feri penumpang sehingga 111,461 *GRT* bagi kapal tangki minyak. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 2,515 buah kapal telah tiba di pelabuhan negara ini, termasuk 16 buah kapal pesiaran yang membawa seramai 16,667 orang penumpang dan 8,155 orang anak kapal.

Yang Berhormat Pengerusi. Berpindah kepada Pengangkutan Darat, kita menyentuh mengenai ekonomi domestik. Perhubungan dan pengangkutan memainkan peranan penting dalam kelangsungan pergerakan rakyat, barangan dan perkhidmatan. Perkara ini juga berkait rapat dengan membuka peluang-peluang pekerjaan dan bagi menangani isu-isu kemiskinan di negara ini.

Perkara ini dibahagikan kepada 3 modul pengangkutan iaitu teksi, bas dan kenderaan persendirian. Melalui Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian

Perhubungan akan memfokus kepada keutamaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas dan teksi dan memudah cara pengurusan pemilikan kenderaan persendirian.

Satu Projek Peningkatan Pengangkutan Bas Awam sedang dilaksanakan dengan harapan untuk memperbaiki *connectivity* dan *reliability* bas awam dan menekankan aspek *accessibility* dan *affordability*. Dengan adanya projek ini, tumpuan seterusnya adalah untuk penyediaan infrastruktur, menggubal dan menguatkuasakan Undang-Undang Lalu Lintas.

الحمد لله perkhidmatan teksi sudah mula menunjukkan kesan positif dengan peningkatan *riderships* ataupun pengguna-pengguna teksi. Kementerian Perhubungan ingin merakamkan penghargaan kepada Persatuan Pemandu-Pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam atas inisiatif mereka memperbaiki imej teksi yang sekali gus juga memperbaiki imej negara di mata pelancong ke negara ini.

Inisiatif ini seterusnya akan membuka luas peluang perdagangan dan pekerjaan. Usaha ini akan diteruskan dengan memperkenalkan sistem *ICT* atau *Taxi Mobile Application* yang akan disediakan oleh anak tempatan untuk memudahkan panggilan perkhidmatan teksi sekurang-kurangnya kepada 400 buah menjelang tahun 2025.

Bagi tahun ini dan tahun hadapan, JPD mempunyai sasaran untuk membukakan

permohonan permit perkhidmatan teksi sebanyak 200 buah lagi yang perkhidmatan ini akan dikhaskan untuk rakyat Brunei sahaja.

Sementara itu proses pemilikan kenderaan persendirian akan terus dipermudahkan terutama dari segi proses pendaftaran, pembayaran lesen tahunan, pematuhan Peraturan Undang-Undang khususnya berhubung dengan *road worthiness*. Pada tahun lepas, pemberian perkhidmatan pemeriksaan kelayakan kenderaan persendirian telah juga di *outsource* kepada bengkel-bengkel Kelas 'A' yang diiktiraf oleh JPD atau dikenali sebagai *Vehicle Inspection Station (VIS)*.

Dari pelaksanaan inisiatif ini, selain dari memberi pilihan kepada orang ramai untuk berurusan dan mendapatkan *value added services* daripada bengkel-bengkel tersebut, ia juga telah mengurangkan jumlah orang ramai yang berkunjung ke JPD sebanyak lebih 25%.

Sebagai salah satu usaha *Ease of Doing Business*, sebahagian besar kesalahan-kesalahan lalu lintas dan undang-undang jalan raya adalah dijadikan sebagai *compoundable offences* atau kesalahan-kesalahan kecil yang boleh dikenakan denda tanpa perlu dirujuk ke mahkamah.

Untuk makluman seterusnya kepada Dewan ini, dan dengan kerjasama dari Persatuan Insurans Takaful Brunei, satu sistem *Motor Claim Guidelines* atau Garis Panduan Tuntutan Kenderaan akan diperkenalkan bagi kemalangan yang tidak melibatkan kematian, kecederaan

dan kerosakan kepada harta benda kerajaan. Panduan baharu ini bertujuan untuk meleraikan kesesakan lalu lintas dengan cepat apabila berlaku kemalangan. Dengan adanya sistem ini, semua isu ganti rugi dan kemalangan kenderaan yang tidak melibatkan kematian atau kecederaan dan kerosakan harta benda kerajaan akan diselesaikan antara pihak insurans sahaja tanpa memerlukan laporan pihak Polis.

Yang Berhormat Pengerusi Perhubungan melalui *Info Communications Technology (ICT)*, juga terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara terutama dengan terciptanya produk dan teknologi-teknologi baharu. Ada antaranya diiktiraf sebagai *disruptive* teknologi yang *destructive*, mencabar pihak kawal selia untuk menentukan peraturannya.

Sebagai pemangkin utama kepada pergerakan maklumat dan perkhidmatan, بِإِذْنِ اللَّهِ penggunaan *ICT* dalam kalangan penduduk negara ini terus meningkat dari setahun ke setahun. Dari segi *accessibility*, separuh daripada jumlah perumahan ataupun *household* di negara ini iaitu 51.4%, (kira-kira 40,000 buah rumah) boleh memperoleh perkhidmatan *broadband* menggunakan talian *fiber optics*.

Selain itu, kadar penggunaan telefon bimbit mengikut jumlah langganan (*subscription*) sudah melebihi jumlah penduduk di negara ini iaitu pada kadar 126%. Dari jumlah ini, penggunaan *mobile broadband* melalui telefon bimbit

atau alat pintar (*smart devices*), adalah pada 121%.

Dalam pada itu, masih terdapat ruang untuk diperbaiki bagi meningkatkan *accessibility* kepada perkhidmatan *ICT*. Pada masa ini sebanyak 88 buah kampung yang sama ada tidak ada liputan perkhidmatan atau mempunyai liputan perkhidmatan yang rendah iaitu Daerah Brunei Muara 7 buah kampung, Daerah Tutong 21 buah kampung, Daerah Belait 20 buah kampung dan Daerah Temburong 40 buah kampung.

Perkara ini akan terus dipantau oleh pihak berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (*AITI*), untuk diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya bersama para penyedia perkhidmatan selaras dengan perancangan pelaburan masing-masing. Sementara itu pihak *AITI* juga berusaha untuk mengambil kaedah Obligasi Perkhidmatan Sejagat atau (*Universal Service Obligation - USO*) untuk memastikan pelaburan infrastruktur sentiasa diberi perhatian khususnya untuk mengatasi isu-isu jurang digital (*digital divide*) yang melibatkan kawasan-kawasan di luar bandar.

Dari segi *affordability* pula, caj perkhidmatan jalur lebar juga dipantau oleh *AITI*. Bagi perkhidmatan jalur lebar, pihak *TelBru* telah membuat inisiatif sendiri untuk mengurangkan kadar dan menaikkan kelajuan perkhidmatan jalur lebar. Jika sebelum ini, perkhidmatan pada kelajuan *1Mbps (Megabit / sec)* berharga B\$65.00 sebulan, sekarang

dengan 10Mbps, pelanggan hanya perlu membayar serendah B\$25.00 sebulan.

Dengan kadar harga B\$25 ini, ianya adalah kira-kira 3% dari purata pendapatan bulanan atau *per capita* (*average monthly income per capita*) sebanyak \$895, menurut Laporan Kajian Perbelanjaan Keluarga 2010/2011. Kadar ini juga selaras dengan sasaran yang ditetapkan oleh *International Telecommunications Union (ITU)* bagi kadar harga perkhidmatan jalur lebar adalah di bawah 5% dari pendapatan purata bulanan *per capita*.

Satu aspek yang juga ingin kaola kongsi ialah perkembangan dan perubahan teknologi *ICT* yang sangat mencabar. Teknologi seperti *FTTH (Fiber To The Home)*, teknologi *wireless* baru 5G, *cloud computing* dan aplikasi-aplikasi baharu akan berupaya mengumpulkan data-data yang banyak dan besar sama ada berbentuk *voice, data, graphic* dan video melalui berbagai-bagai peralatan. Apa yang dipanggil *Big data* ini mampu memberi maklumat-maklumat penting mengenai sesuatu proses dan mempunyai nilai perdagangan atau *commercial value* (nilai tambah komersial) yang tinggi. Ini apa yang akan melahirkan, yang dipanggil sebagai *Internet of Thing (IoT)*.

Di samping aspek-aspek positif yang dijana oleh perkembangan ini, terdapat juga cabaran bahawa unsur-unsur negatif masih berleluasa terutama dengan adanya teknologi tersebut. Ini menimbulkan masalah bagi pihak-pihak tertentu untuk mengekang kegiatan

tersebut dan menjalankan tugas penguatkuasaan.

Satu cabaran lain ialah mengenai *cyber security*. Apabila banyak peralatan yang *connected* ia juga terdedah kepada *hacking* oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk mengatasi perkara ini, pihak-pihak pengguna *ICT* terutama institusi-institusi yang penting seperti insititusi kerajaan dan kewangan digalakkan untuk mengambil inisiatif mengadakan sistem keselamatannya sendiri seperti mengadakan *fire-wall* kepada *network* masing masing.

Dalam hal ini, pihak *AITI* juga mengambil pendekatan untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai mengenai kesan-kesan negatif dari penyalahgunaan teknologi *ICT*, termasuk juga media sosial.

Dengan kemajuan *ICT*, Perkhidmatan Pos juga mendapati suasana baharu atau *new norms* di negara ini. Penghantaran surat semakin menurun sementara penghantaran bungkusan meningkat setiap bulan. Penghantaran bungkusan juga dihulurkan oleh perkhidmatan *courier* dari sektor swasta seperti *Fedex, UPS, DHL* dan *TNT*.

Jabatan Perkhidmatan Pos terus peka kepada perkembangan perkhidmatan kargo udara bahawa sistem perkhidmatan logistik antarabangsa lebih menfokus kepada ekonomi yang pesat yang mempunyai jumlah penghantaran kargo yang tinggi dan mendatangkan keuntungan yang lumayan kepada syarikat berkenaan.

Perkara ini sering menimbulkan masalah bahawa penghantaran bungkusan ke negara ini akan diterima lebih lambat jika dibandingkan di tempat lain. Dalam keadaan ini, Jabatan Perkhidmatan Pos terus berusaha untuk menubuhkan hubungan strategik dengan negara-negara sahabat seperti menubuhkan *virtual post* di negara yang mempunyai hubungan kargo dengan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, untuk terus relevan Jabatan Perkhidmatan Pos juga sedang mengambil usaha-usaha berikut dalam pemberian perkhidmatannya kepada orang ramai selaras dengan pembangunan ekonomi di negara ini.

- i. Memantau sistem logistik dan penghantaran air kargo antarabangsa untuk memastikan Negara Brunei Darussalam untuk terus relevan.
- ii. Membuat inovasi dan mempelbagaikan lagi perkhidmatan pos sesuai dengan cita rasa pelanggan dan perkembangan dalam suasana perniagaan.
- iii. Jabatan Perkhidmatan Pos terus bersandar kepada perkembangan teknologi dan *ICT* untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatannya.
- iv. Perkhidmatan Pos merupakan perkhidmatan dihulurkan berasaskan kepada kepercayaan orang ramai. Oleh yang demikian, peranan etika kerja dalam pemberian perkhidmatan

tersebut adalah penting untuk menjaga dan meningkatkan keyakinan orang ramai.

Ke arah ini Jabatan Perkhidmatan Pos terus menumpukan perhatian kepada aspek *speed, safety and reliability*.

Akhir sekali dengan bertambahnya persaingan bagi penghantaran bungkusan adalah difikirkan bahawa dalam jangka panjang kaedah pengkorporatan akan dipertimbangkan. Bagi tujuan ini Jabatan Perkhidmatan Pos terus meningkatkan komitmennya kepada perjanjian *Universal Postal Union* termasuk membentuk agensi kerajaan yang akan mengawal selia perkhidmatan pos dan *courier* di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan peruntukan yang diamanahkan Kementerian Perhubungan akan terus melaksanakan perancangan projek strategik yang akan dapat membuka ruang perniagaan, pekerjaan dan meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat. Setiap perhubungan dan pengangkutan menjadi pendukung kepada pelbagai aktiviti perekonomian dan menyumbang kepada menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Dalam memikul tanggungjawab yang mulia ini dan sebagai satu ibadah fardu kifayah kepada seluruh warga Kementerian Perhubungan abis kaola amatlah menjunjung kasih setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutama pada memastikan kesinambungan, pembangunan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam berdasarkan Melayu Islam Beraja, aman makmur di bawah payung pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam
بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ

Sekianlah sahaja yang dapat kaola bentangkan mengenai agenda dan perancangan Kementerian Perhubungan dan mudah-mudahan ia mendapat restu dan *endorsement* daripada semua Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sekian

وبالله التوفيق والهداية السَّامِعَاتِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Kita mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas huraian yang begitu jelas yang mengariskan dasar-dasar terperinci mengenai jabatan-jabatan yang di bawah kementerian yang berkenaan ini dan juga hala tuju Kementerian Perhubungan sesuai dengan belanjawan yang diperuntukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun membincangkan pada hari ini Belanjawan Kementerian Kesihatan dan sekarang kita berhadapan pula dengan Belanjawan Kementerian Perhubungan. Banyak perkara-perkara baharu yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang perlu kita teliti, maka saya kira adalah lebih sesuai perkara ini kita fahami. Dengan sebab itu, ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang

semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula *إن شاء الله* pada hari Sabtu, 18 Mac 2017, seperti biasa mulai pukul 9.00 pagi. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّامِعَاتِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)